

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date | 8 August 2015 |

Kerjasama keselamatan Malaysia, Vietnam dipertingkatkan

11m - 8/8/2015

PUTRAJAYA 7 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia dan Vietnam bersedia meningkatkan kejasama dalam bidang keselamatan dan ketenteraan, terutamanya dalam memerangi isu pemerdagangan manusia dan kemasukan pendatang asing tanpa izin di negara masing-masing.

Beliau berkata, antara kejasama yang akan dilakukan ialah dengan meningkatkan lagi rondaan oleh pihak tentera di kawasan sempadan masing-masing dan mewujudkan "hotline" antara kedua-dua negara.

"Selain itu, kedua-dua negara juga bukan sahaja bersetuju untuk meningkatkan hubungan bilateral, malah berusaha untuk mengekalkan hubungan perpaduan dan kesatuan dalam kalangan ASEAN bagi memastikan setiap deklarasi yang ditandatangani sebelum ini dipatuhi.

"Ini bagi memastikan supaya kawasan di Laut China Selatan kekal aman, stabil dan makmur," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar bersama rakan sejawatannya dari Vietnam, Nguyen Tan Dung di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini sempena lawatan

rasmi dua hari pemimpin itu ke Malaysia.

Sementara itu Tan Dung berkata, kedua-dua pihak juga akan meneruskan komitmen untuk tidak membenarkan mana-mana individu atau organisasi menggunakan wilayah masing-masing bagi melakukan aktiviti yang dilarang oleh kedua-dua negara.

Berikutan itu katanya, kedua-dua negara bersetuju untuk mempercepatkan proses rundingan dalam perjanjian mengenai perintah ekstradisi, pemindahan tahanan dan isu berkaitan pemerdagangan manusia.

Mengulas lanjut, katanya, Vietnam juga bersedia untuk merealisasikan hasrat Malaysia yang merupakan Pengerusi ASEAN dan anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) dalam mewujudkan komuniti ASEAN serta membangunkan rantau ini.

Katanya, ini termasuk usaha untuk memainkan peranan lebih penting dalam ASEAN khususnya berhubung isu strategik dan keselamatan.